

12 FEB 1998

M'SIA AMBIL PENDIRIAN BERHATI-HATI TENTANG BEBAS CUKAI E-COMMERCE, KATA PM

CYBERJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Malaysia perlu meneliti kesan mengadakan dagangan barangan dan perkhidmatan menerusi bebas cukai internet, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu meneliti ini dengan lebih berhati-hati kerana sebarang keputusan yang kita buat adalah untuk selama-lamanya," katanya pada persidangan berita di akhir hari pertama mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Kedua (IAP) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas cadangan Amerika Syarikat supaya anggota-anggota Pertubuhan Dagangan Dunia (WTO) menerima pakai pendirian cukai sifar bagi barangan dan perkhidmatan yang didagangkan menerusi dagangan elektronik.

"Kita bukannya sama taraf seperti AS, jadi kita tidak boleh melepaskan sebarang peluang demi untuk mencari wang untuk negara ini," katanya.

Ketika Malaysia berhasrat menjadi terbuka seluas mungkin, ia seharusnya mengambil berat dalam memutuskan sesuatu isu kerana kepentingan negara juga perlu dilindungi, katanya.

Mengenai perlaksanaan hak harta intelek di dalam perundangan siber Koridor Raya Multimedia (MSC), katanya ia adalah faktor penting yang boleh memastikan kejayaan projek MSC.

"Jika tidak, kita tidak boleh menarik banyak syarikat seperti ini,... ia adalah untuk kepentingan rakyat sendiri kerana jika harta intelek tidak dilindungi, maka banyak orang di negara ini menanggung kerugian."

Di samping itu, ia akan memastikan kepentingan syarikat-syarikat asing di negara ini dilindungi, kata Dr Mahathir.

Beliau menambah bahawa kerajaan sedang menimbangankan untuk menyediakan langkah keselamatan bagi syarikat-syarikat yang hampir muflis.

Katanya sebilangan besar syarikat di negara ini telahpun muflis bukan kerana ketidak cekapan mereka tetapi disebabkan krisis kewangan semasa di rantau ini.

"Jika mana-mana syarikat MSC gagal, kita perlu menyediakan sesuatu bentuk langkah keselamatan untuk mereka," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada Malaysia akan menyusuli langkah Indonesia dalam perancangan untuk menerima pakai sistem lembaga matawang untuk mengekalkan nilai matawangnya, iaitu rupiah.

"Saya tidak nampak mengapa (kita perlu), kita tidak mempunyai masalah matawang.... tentunya susutnilai berlaku tetapi tidak terlalu keterlaluan tetapi jika dibandingkan dengan matawang Asean yang lain saya berani mengatakan kita tidak seteruk mana."

Satu daripada fungsi lembaga seumpama itu ialah menetapkan nilai matawang dengan matawang yang lain pada kadar yang ditentukan. -- BERNAMA

AD MA